

TEKS

UCAPAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI

SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN JKNM BIL 2/2017

DAN

MAJLIS PERASMIAN SEMINAR LEAN HEALTHCARE 2017

PADA 21 FEBRUARI 2017

BERTEMPAT

DEWAN TUAH, PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI MELAKA

Terima kasih, Saudari-saudari Pengerusi Majlis

Yang Saya hormati Timbalan-timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Ketua –ketua PTJ , Ketua-ketua Jabatan serta Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

Salam Sejahtera,

Salam Satu Malaysia,

Salam Melaka Maju, Negeriku Sayang,

Negeri Bandar Teknologi Hijau,

Melaka 755 Tahun.

Berkat, tepat, cepat

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan-timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Ketua-ketua jabatan serta semua warga kesihatan Negeri Melaka ke Majlis Perhimpunan Bulanan kali Ke-2 bagi tahun 2017 dan Majlis Perasmian Seminar Lean Healthcare 2017.

Ucapan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Perubatan, JKN Melaka selaku penganjur perhimpunan dan seminar ini yang berkisar tentang '**Lean healthcare**'.

Y. Bhg. Datuk, Tuan –tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Lean bermaksud sesuatu idea untuk mentransformasikan perkhidmatan yang diberikan supaya lebih efisien dan efektif dengan mengoptimalkan sumber sedia ada dan mengurangkan pembaziran. **Lean Healthcare** merupakan salah satu inisiatif KKM bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam. Ia merupakan satu adaptasi dari konsep lean management atau pengurusan kejut yang disarankan oleh kerajaan melalui program Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT) dalam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI), Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah diperkenalkan dari tahun 2010 bagi mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Bagi KKM, melalui Pelan Strategik KKM 2016-2020, Kementerian telah menetapkan di bawah Teras Strategik yang pertama (TS – 1) iaitu mengukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan bagi setiap tahap penyakit khususnya penjagaan kesihatan primer. Pengurusan Kejut bagi penjagaan kesihatan atau Lean Healthcare adalah langkah strategik ke empat (LS – 4) di bawah TS – 1, ini bagi menjayakan pelan strategik KKM 2016 – 2020.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

Telah menjadi lumrah, peruntukan kewangan dan sumber manusia untuk kesihatan sentiasa terhad dan dalam masa yang sama pembaziran sumber di dalam sistem kesihatan turut berlaku. Ini telah menyumbang kepada kelewatan perawatan pesakit serta kesesakan di fasiliti-fasiliti Kesihatan. Berdasarkan kepada kejayaan awal beberapa projek rintis yang telah dijalankan, inisiatif Pengurusan Kejut akan diperluaskan ke semua hospital dan klinik kesihatan secara berperingkat. Melalui inisiatif ini, proses kerja di lokasi-lokasi kritikal fasiliti berkenaan akan dikajisemula dan dikemaskini agar ianya lebih efisien dan penggunaan sumber dapat dipertingkatkan. Ianya akan dilaksanakan oleh kakitangan di fasiliti berkenaan dengan bimbingan dari fasilitator yang terlatih

Pelan Tindakan KKM 2016-2020 pula telah menetapkan sasaran bagi melaksanakan inisiatif Lean Healthcare di seluruh negara. 2 petunjuk utama yang telah ditetapkan adalah:

1. Bilangan hospital melaksanakan inisiatif Pengurusan Kejut.
Bahagian: Bahagian Perkembangan Perubatan
Sasaran: 15 hospital setahun
2. Bilangan klinik kesihatan baru yang melaksanakan inisiatif Pengurusan Kejut.
Bahagian: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Sasaran: 2 fasiliti setahun

Pelaksanaan inisiatif Lean Healthcare di hospital telah diwartakan sebagai KPI YBMK sejak 2 tahun yang lalu dan seterusnya pada tahun ini. Selain itu ia turut dikekalkan sebagai KPI KPK, PKN dan TPKN Perubatan bagi tahun 2017.

Pelaksanaan Lean Healthcare ini perlu diperkukuhkan lagi di pelbagai peringkat dan bahagian dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada masyarakat

Bagi negeri Melaka , Hospital Melaka telah dipilih salah satu hospital yang memulakan projek Lean healthcare bermula pada penghujung tahun 2014 di bawah *Public Service Delivery Transformation* , Government Transformation Programme, seliaan Jawatankuasa PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri. dan pencapaiannya amat membanggakan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan telah mendapat kategori "A" pada tahun 2015 . Semoga kecermerlangan yang ditunjukkan dikekalkan dan diteruskan ke bahagian lain selain Jabatan Perubatan dan juga Jabatan Kecemasan di Hospital Melaka. Tidak lupa juga dapat dikembangkan di hospital-hospital daerah di Negeri Melaka, serta di klinik-klinik kesihatan dan juga klinik pergigian di Negeri Melaka ini.

Akhir kata, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini , Dengan lafaz *Bismillahirrahmannirrahhim* saya dengan ini merasmikan **SEMINAR LEAN HEALTHCARE 2017**, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.

Sekian, Terima Kasih.